# PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 7: BILANGAN 7. BANDAR BRUNEI, RABU 4 APRIL, 1962 (29 Shawal, 1381) PERCHUMA


# KEPUTUSAN PEPEREKSAAN SIJIL CAMBRIDGE

BANDAR BRUNEI. — Tiga puloh tujoh orang penuntut2 lelaki dan perempuan dari Sekolah2 Inggeris dalam Negeri Brunei yang telah memasoki pepereksaan Sijil Persekolahan Cambridge ("Cambridge School Certificate") pada akhir tahun lepas telah lulus pepereksaan itu. Demikian menurut keputusan pepereksaan itu yang telah di-terbitkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Brunei pada petang hari Ithin 26 March, 1962.

**Penuntut2 itu ada-lah dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei; Maktab Anthony Abell, Seria; Sekolah Misi Saint Michael, Seria dan Sekolah Misi Perempuan Saint Angela Convent, Seria.**

Enam orang penuntut2 dari Maktab2 dan Sekolah2 tersebut telah mendapat sijil pangkat yang pertama, 17 orang penuntut2 mendapat sijil pangkat yang kedua dan 14 orang penuntut2 mendapat sijil pangkat yang ketiga.

Jumlah penuntut2 yang mendapat Sijil Persekolahan Cambridge dari Maktab2 dan Sekolah2 Inggeris tersebut ada-lah saperti di-bawah ini:

Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei: Pangkat yang pertama sa-orang. Pangkat yang kedua 4 orang dan pangkat yang ketiga 6 orang. Jumlah yang lulus 11 orang.

Maktab Anthony Abell, Seria: Pangkat yang kedua 4 orang dan pangkat yang ketiga sa-orang. Jumlah yang lulus — 5 orang.

Sekolah Misi Saint Michael, Seria: Pangkat yang pertama 2 orang. Pangkat yang kedua 6 orang dan pangkat yang ketiga 5 orang. Jumlah yang lulus — 13 orang.

Sekolah Misi Perempuan Saint Angela Convent, Seria: Pangkat yang pertama 3 orang, Pangkat yang kedua 3 orang dan pangkat yang ketiga 2 orang. Jumlah yang lulus — 8 orang.

Menurut keputusan pepereksaan tersebut Sekolah Misi Saint Michael, Seria mendapat 92.9 peratus; di-turuti oleh Sekolah Misi Perempuan Saint Angela Convent Seria 66 peratus; Maktab Anthony Abell, Seria 50 peratus dan akhir sa-kali Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei yang telah memperolehi 21.3 peratus.

Penuntut2 dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin yang telah lulus dalam pepereksaan Sijil Persekolahan Cambridge tersebut ada-lah saperti di-bawah ini:

Pangkat pertama — Wong Mee Ching.

Pangkat kedua — Masni binti Awang, Marie S. Andrews, Lim Beng Thai dan Yee Poh San.

Pangkat ketiga — Arshad bin Md. Ali, David Chong Khim Ki, Enrica Short, Koh Poh Hwa, Nooraini binti Ahmad Yunus dan Norsham binti Ahmad Yunus.

Kenyataan kejayaan — Judin bin Asar dan Sulaiman bin Ahai.

Sijil Pelajaran Awam — Ak. Md. Zain bin Pengiran Haji Lampoh, Chin Vui Kheng, Hafneh bin Mohamed Salleh, Mohamed Yassin bin Salleh, Mohamed Yusof bin Haji Ahmad, Vincent Tay, Abd. Latif Ibrahim, Wee Liang Foott dan Yapp Sook Kiat. Jumlah 7 orang.

Yahya bin Harris dan Zainal bin Abdul Ghani dua orang pe-

(Lihat Muka 8)

# Y.T.M. DULI PENGIRAN BENDAHARA KA-MEKAH

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara Dato Paduka Muda Hashim Ibni Almerhom Pengiran Anak Abdul Rahman telah berangkat ka-Labuan pada pagi hari Ithnin yang lalu dengan menaiki kapal Kerajaan Brunei dalam perjalanan ka-Mekah untok menunaikan fardhu Haji.

Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un, Menteri Besar, Brunei dan Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Kamarulzaman, Setia Usaha Kerajaan, Brunei ia-lah di-antara ramai umat Islam yang telah berada di-Tambatan Kastam Diraja, Bandar Brunei untok menguchapkan "Selamat menunaikan fardhu Haji" kapada Y.T.M. Duli Pengiran Bendahara dan bakal2 Haji yang lain dari Brunei.

Di-antara orang2 kenamaan yang turut menghantar Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara ka-Labuan ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Muhammad bin Pengiran Piut, Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud serta beberapa orang ahli2 Majlis2 Meshuarat Diraja, Kerajaan dan Negeri Brunei.

Turut berangkat ka-Tanah Suchi pada kali ini bersama2 dengan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara ia-lah tujoh orang perempuan dan lima orang lelaki.




Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Brunei merangkap Pemangku Pengarah, Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei telah menghadhiri persidangan Surohanjaya Ekonomi Bangsa2 Bersatu ("ECAFE") di-Tokyo, Negeri Jepun sa-bagai Wakil dari Negeri Brunei mulai dari 6 March hingga 19 March, 1962 bersama2 dengan Doktor J.S. Gould, Penasehat Ekonomi Bangsa2 Bersatu yang pada masa ini berkhidmat dengan Kerajaan Brunei. Y.B. Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusof dan Doktor Gould serta para perwakilan dari lain2 negara kelihatan di-lapangan terbang Tokyo sa-belum menghadhiri persidangan Surohanjaya Ekonomi Bangsa2 Bersatu itu di-Negeri Jepun.

# KERJA2 KOSONG DALAM DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA BRUNEI

**BANDAR BRUNEI. — Sa-belas jawatan2 kosong ada-lah di-tawarkan kapada ra'ayat Kebawah Duli Yang Maha Muli Sultan Brunei untok berkhidmat dalam Jabatan Pelajaran bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei.**

Jawatan2 itu ia-lah sa-orang Pengelola Perkembangan Bahasa Melayu ; sa-orang Pengarang ; dua orang Penolong Pengarang ; sa-orang Pegawai Istilah Perkamusan dan Penyelidek ; sa-orang Penolong Pegawai Istilah Perkamusan dan Penyelidek ; sa-orang Pelukis; sa-orang Pegawai Perpustakaan ; sa-orang Juru Trengkas Melayu ; dan dua orang Peon.

Hanya pemohon2 yang mempunyai kelayakan dan pengalaman yang di-kehendaki sahaja akan dapat di-pertimbangkan.

Pemohon2 di-kehendaki menghantar permohonan mereka kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari pukol 2 petang 20 April, 1962. Borang2 permohonan boleh di-minta di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan Brunei.

Pemohon2 daripada pegawai2 Kerajaan, hendak-lah menghantar permohonan melalui ketua jabatan mereka dan ketua jabatan itu akan menchatet sa-chara rahsia perkara2 yang berhubong dengan pemohon2 itu bersama satu Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Sharat2 yang di-kehendaki dalam tiap2 jawatan itu ia-lah :

**PENGELOLA PERKEMBANGAN BAHASA MELAYU :**

Tingkatan gaji ia-lah C(a)1-2 $850x$30 -$1,100.

◆ Kelulusan yang di-kehendaki sa-banding dengan Sijil Persekolahan Seberang Laut ;

◆ Pemohon hendak-lah berumor tidak kurang daripada 36 tahun ;

◆ Mempunyai pengetahuan bahasa Melayu yang tinggi ;

◆ Mempunyai pengetahuan bahasa Inggeris ; dan

◆ Mempunyai pengalaman mengajar sa-kurang2-nya 10 tahun dan pengalaman mengelolakan perkembangan bahasa Melayu di-sekolah2 asing, darjah orang2 dewasa belajar bahasa Melayu dan pembenterasan buta huruf sa-kurang2-nya dua tahun (24 bulan).

**PENGARANG :**

Tingkatan gaji ia-lah C(b)2-3 $570x$30-$840.

◆ Kelulusan yang di-kehendaki sa-banding dengan Sijil Persekolahan Seberang Laut ;

◆ Pemohon hendak-lah berumor tidak kurang daripada 33 tahun ;

◆ Mempunyai pengetahuan bahasa Melayu yang baik ;

◆ Mempunyai pengalaman dalam hal karang mengarang dan pernah memimpin pengeluaran majallah atau akhbar sa-kurang2-nya dua tahun ; dan

◆ Mempunyai pengetahuan dalam hal pendidekan.

**PENOLONG PENGARANG :**

Tingkatan gaji ia-lah D(a) 1-2-3-4-5-6 $350x$20-$600.

◆ Mempunyai kelulusan bahasa Melayu yang baik.

◆ Mempunyai kebolehan dan pengetahuan yang baik dalam hal karang mengarang ; dan

◆ Ada pengalaman sa-bagai sa-orang pengarang atau pembantu pengarang dari majallah dan akhbar2 sa-kurang2-nya dua tahun.

**PEGAWAI ISTILAH, PERKAMUSKAN DAN PENYELIDEK :**

Tingkatan gaji ia-lah C(b) 1-2-3 $520x$20-$570x$30-$840.

◆ Kelulusan di-kehendaki ia-lah sa-banding dengan sijil Persekolahan Seberang Laut :

◆ Mempunyai kelayakan dan pengalaman dalam perkembangan bahasa dan kesusasteraan Melayu ;

◆ Mempunyai kelulusan bahasa Melayu yang tinggi ;

◆ Mempunyai pengetahuan bahasa Inggeris,

◆ Boleh mengelolakan pekerjaan2 yang berhubong dengan istilah bahasa Melayu yang di-perlukan dalam jawatan2 dan lain2 penggunaan di-negeri ini ; dan

◆ Berumor sa-kurang2-nya 25 tahun.

**PENOLONG PEGAWAI ISTILAH, PERKAMUSAN DAN PENYELIDEK :**

Tingkatan gaji ia-lah D(a) 1-2-3-4-5 $350x$20-$560.

◆ Kelulusan yang di-kehendaki sa-banding Form IV ;

◆ Mempunyai kelulusan bahasa Melayu yang baik ; dan

◆ Mempunyai pengetahuan bahasa Inggeris.

**PELUKIS :**

Tingkatan gaji ia-lah D(a) 3-4-5-6-7 $460x$20-$620.

◆ Kelulusan yang di-kehendaki ia-lah Form V atau dalam Form V ;

◆ Mempunyai keistimewaan dalam hal melukis ;

◆ Mempunyai pengetahuan dalam alam sakeliling dan hal ehwal pendudok negeri ini ; dan

◆ Mempunyai kebolehan menggambar sa-suatu perkara yang terbit daripada maksud2 sa-suatu ayat atau karangan atau pun sa-suatu perkara.

**PEGAWAI PERPUSTAKAAN :**

Tingkatan gaji ia-lah D(a) 1-2-3-4-5 $350x$20-$560.

◆ Kelulusan yang dikehendaki ia-lah Form V atau dalam Form V ;

◆ Mempunyai pengetahuan bahasa Melayu yang baik ;

◆ Mempunyai bakat dalam hal penyelidekan bahasa ;

◆ Mempunyai pengalaman serba sadikit dalam hal menggunakan "Recorder film stripe" dan sa-umpama-nya ; dan

◆ Mempunyai pengalaman luas dalam hal bacha membacha dan memileh buku2 bachaan yang sesuai untok bachaan umum.

**JURU TRENGKAS MELAYU:**

Tingkatan gaji ia-lah D(a) 1-2-3-4-5 $350x$20-$560.

◆ Kelulusan yang di-kehendaki ia-lah sa-banding dengan Form III ;

◆ Mempunyai kelulusan trengkas peringkat menengah atau sedang mengikuti pelajaran trengkas peringkat menengah;

◆ Mempunyai pengetahuan bahasa Melayu yang baik ;

◆ Mempunyai pengetahuan bahasa Inggeris ; dan

◆ Boleh menaip dengan kechepatan yang memuaskan.

**PEON :**

Tingkatan gaji ia-lah F.1-2-3-4-5-6.

◆ Kelulusan pemohon2 yang di-kehendaki ia-lah sa-kurang2-nya tamat darjah VI sekolah Melayu.

## Kerja Kosong: PENOLONG PENGARANG

BANDAR BRUNEI. — Permohonan2 ada-lah di-jemput dari pemohon2 yang sedang berkhi mat dengan Kerajaan bagi Jaw tan Penolong Pengarang di-Pejabat Siaran Radio dan Penerangan, Brunei :—

Gaji ia-lah dalam tingkatan D(a)2-3-4-5-6 $400x20-600.

Hanya permohonan yang mempunyai kelayakan dan pengalaman saperti berikut boleh di-timbangkan :—

(a) Mesti berkelulusan Darjah V Sekolah Melayu dan Darjah VII Sekolah Inggeris.
(b) Pernah bekerja sabagai saorang pemberita dalam mana2 Surat Khabar Inggeris atau telah tammat dalam kursus kewartawanan.
(c) Permohonan hanya-lah terbuka kapada pegaw yang mempunyai jawa tetap.

Semua permohonan hendak-lah di-alamatkan kapada Setia Usaha Kerajaan melalui Ketua Pejabat mereka, yang mesti mengesahkan tentang kebetulan kenyataan yang di-beri oleh pemohon dan memberi sokongannya tidak lewat dari 15 April.

## KEPUTUSAN PEPEREKSAAN SIJIL PERSEKOLAHAN

BANDAR BRUNEI. — Keputusan pepereksaan Sijil Persekolahan Tertinggi (Cambridge Higher School Certificate) yang telah di-adakan di-Negeri Brunei pada tahun lepas ada-lah memuaskan. Demikian kata Pemangku Pegawai Pelajaran Negara, Brunei, Yang Berhormat Inche Malcolm Mac Innes.

Beliau menerangkan bahawa pepereksaan tersebut telah di-adakan pada pertama kali dalam negeri ini.

Tiga orang penuntut2 Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei telah lulus dalam pepereksaan tersebut dengan mendapat sijil2 penoh dan tiga orang lagi di-beri "kenyataan masok pepereksaan".

Penuntut2 dari Maktab S.O.A.S. yang telah mendapat sijil2 penoh ia-lah Joh Lim, Puan Lim Siok Tin dan Yap Kai San.

Penuntut2 dari maktab itu yang telah di-beri "kenyataan masok pepereksaan" ia-lah Lim Eng Ming, Gerard S.S. Hu dan Puan Raja-manchari.

Sa-lain dari itu, tiga orang penuntut2 yang telah masok pepereksaan tersebut sa-chara bersendirian telah di-beri "kenyataan masok pepereksaan".

Mereka ia-lah Mahadzar bin Mohammad, Mok Yu Kong dan Mohamed Saleh bin Hidup.



Tiga orang penuntut2 Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei yang telah lulus dalam pepereksaan Sijil Persekolahan Tertinggi Cambridge baharu2 ini. Dari kiri : Job Lim, Puan Lim Siok Tin dan Yap Kai San.

# Keputusan Pepereksaan Sekolah2 Ugama

**BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 3,318 orang murid2 lelaki dan perempuan telah masok pepereksaan Sekolah2 Ugama dalam Negeri Brunei pada akhir tahun 1961.**

Dua ribu tujoh ratus empat puloh tiga orang daripada bilangan tersebut telah lulus pepereksaan tersebut, ia-itu dari darjah satu hingga ka-darjah lima.

Menurut keterangan Inche Ismail Ariff, Pemangku Penyusun dan Pengelola Sekolah2 Ugama, Negeri Brunei sa-ramai 1,847 orang murid2 telah masok pepereksaan Sekolah2 Ugama itu di-Daerah Brunei-Muara dan Temburong dan 1,520 orang murid2 dari bilangan itu telah lulus pepereksaan tersebut.

Sa-ramai 902 orang murid2 telah masok pepereksaan Sekolah2 Ugama di-Daerah Tutong dan 640 orang telah lulus.

Di-Daerah Belait-Seria pula, 669 orang murid2 telah masok pepereksaan itu dan 583 orang daripada-nya telah lulus.

Sunggoh pun bilangan muird2 yang masok pepereksaan Sekolah2 Ugama di-Daerah Belait-Seria kurang daripada jumlah murid2 yang masok pepereksaan di-lain2 daerah, akan tetapi jika di-kira dengan sa-chara peratus, murid2 di-Daerah Belait-Seria ada-lah terbaik sa-kali daripada peratus yang di-perolehi di-Daerah2 Brunei-Muara-Temburong dan Tutong.

Sekolah2 Ugama di-Daerah Belait-Seria telah memperolehi 87 peratus, Sekolah2 Ugama di-Daerah Brunei-Muara-Temburong telah memperolehi 83 peratus dan Sekolah2 Ugama di-Daerah Tutong telah memperolehi 80 peratus.

Di-bawah ini ia-lah jumlah murid2 yang masok pepereksaan di-Sekolah2 Ugama di-daerah2 tersebut dan yang telah lulus pepereksaan itu di-tiap2 darjah:

**DAERAH BELAIT-SERIA**

Darjah Satu: Masok pepereksaan 236 orang. Lulus 216 orang. 92 peratus.

Darjah Dua: Masok pepereksaan 226 orang. Lulus 204 orang. 90 peratus.

Darjah Tiga: Masok pepereksaan 135 orang. Lulus 115 orang. 85 peratus.

Darjah Empat: Masok pepereksaan 61 orang. Lulus 40 orang. 65 peratus.

Darjah Lima: Masok pepereksaan 11 orang. Lulus 8 orang. 73 peratus.

**DAERAH BRUNEI-MUARA-TEMBURONG**

Darjah Satu: Masok pepereksaan 686 orang. Lulus 571 orang. 80 peratus.

Darjah Dua: Masok pepereksaan 502 orang. Lulus 428 orang. 85 peratus.

Darjah Tiga: Masok pepereksaan 355 orang. Lulus 313 orang. 88 peratus.

Darjah Empat: Masok pepereksaan 231 orang. Lulus 152 orang. 66 peratus.

Darjah Lima: Masok pepereksaan 73 orang. Lulus 56 orang. 77 peratus.

**DAERAH TUTONG**

Darjah Satu: Masok pepereksaan 335 orang. Lulus 276 orang. 82 peratus.

Darjah Dua: Masok pepereksaan 221 orang. Lulus 197 orang. 89 peratus.

Darjah Tiga: Masok 169 orang. Lulus 140 orang. 83 peratus.

Darjah Empat: Masok pepereksaan 62 orang. Lulus 36 orang. 62 peratus.

Darjah Lima: Masok pepereksaan 20 orang. Lulus 14 orang. 70 peratus.

## PEGAWAI2 BARU BRUNEI SPORTS CLUB

BANDAR BRUNEI. — Pegawai2 baharu Brunei Sports Club yang telah di-lantek dalam meshuarat agong persekutuan itu baharu2 ini ada-lah saperti di-bawah ini:

Yang Dipertua — Inche Wong Kah Loong. Naib Yang Dipertua — Yang Berhormat Inche Hamidoon bin Awang Damit (di-lantek sa-mula).

Setia Usaha Yang Kehormat — Inche Marcus Mah (di-lantek sa-mula). Setia Usaha Sukan — Inche M.K. Nathan. Setia Usaha Minuman Yang Kehormat — Inche Nicholas Chung dan Setia Usaha Sosial Yang Kehormat — Inche Poh Soo Jin.

Ahli2 Jawatan Kuasa — Inche Weston Keasberry, Inche D.S. Gamalatge dan Inche Ali Khan.

## KA-MALAYA

BERAKAS. — Pengiran Shahminan bin Pengiran Mashhor dari Jabatan Setia Usaha Kerajaan Brunei telah berlepas dengan kapal terbang ka-Persekutuan Tanah Melayu pada pagi 21 March untok menyaksikan istiadat permulaan latehan bakal2 Askar Melayu Brunei yang baharu di-Port Dickson, Negeri Sembilan.

Sa-orang lagi pegawai Kerajaan Brunei, ia-itu Yang Berhormat Inche Taha bin Abdul Rahman telah mengetuai pelateh2 baharu Askar Melayu Brunei berjumlah 28 orang yang telah berangkat ka-Port Dickson pada 19 March untok berlateh di-sana.

Pengiran Shahminan dan Yang Berhormat Inche Taha telah balek ka-Brunei dengan kapal terbang pada 27 March.

## SAMBUTAN ASKAR2 BALEK DARI MALAYA

**KAMPONG SULTAN LAMA. — Pendudok2 di-Kampong Sultan Lama, Kampong Ayer, Brunei akan mengadakan sambutan yang istimewa untok meraikan pemuda2 kampong tersebut yang pada masa ini berkhidmat dengan Askar Melayu Brunei.**

Mereka di-jangka balek ka-Brunei sa-telah berlateh di-Persekutuan Tanah Melayu sa-lama enam bulan pada bulan hadapan.

Sambutan itu akan di-adakan di-Kampong Sultan Lama sa-lepas tiga hari perajurit2 itu balek ka-Tanah Ayer. Demikian menurut keputusan meshuarat pemuda2 yang tinggal di-Kampong Sultan Lama pada 24 March, 1962.

Di-antara achara2 yang akan di-adakan di-temasha sambutan tersebut ia-lah persembahan2 nyanyian, tarian dan lawak-jenaka.

Pancharagam Pancha Suria Orkes terdiri dari pemuda2 Kampong Sultan Lama akan bermain di-temasha sambutan tersebut.



Satu pemandangan di-Tambatan Kastam Diraja, Bandar Brunei pada pagi 19 March yang lalu pada masa 28 orang bakal2 Askar Melayu Brunei hendak berangkat ka-Malaya untok berlateh di-Pusat Latehan Askar Melayu Diraja, Port Dickson, Negeri Sembilan.

## MUFTI BRUNEI YANG PERTAMA

BERAKAS. — Tuan Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz, bekas Kadhi Besar, Negeri Johore telah tiba di-sini dengan kapal terbang dari Singapura pada petang hari Ahad yang lalu untok berkhidmat sa-bagai Mufti yang pertama sa-kali bagi Negeri Brunei.

Beliau telah di-sambut di-lapangan terbang Berakas oleh Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kemaludin, Setia Usaha, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Negeri Brunei, Yang Berhormat Begawan Pehin Khatib Haji Metali, Pemangku Kadhi Besar, Negeri Brunei; Yang Berhormat Tuan Haji Md. Jamil, Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Negeri Brunei dan beberapa orang pegawai Kerajaan.

## TAWARAN: Tractor dan Jentera Menaroh Minyak

KUALA BELAIT. — Tawaran2 akan di-terima oleh Pengurusi, Lembaga Tawaran, di-Pejabat Pegawai Kewangan Negara, Pejabat Kerajaan, Bandar Brunei, sa-hingga 2 petang, pada hari Khamis 5 April, 1962, kerana membekal dan menghantar sampai ka-Pejabat Lembaga Bandaran, Kuala Belait, saperti yang berikut di-bawah ini: —

(a) Sa-buah Tractor, memakai minyak diesel, 12 h.p. dengan memakai empat roda.

(b) Satu jentera menaroh minyak dan lain2-nya A.C. 230/250V).

Tarikh menghantar hendak-lah di-sebutkan.

Tawaran2 yang di-terima selepas waktu ini akan di-tolak.

Tawaran mesti-lah di-masokkan ka-dalam sampol2 surat biasa bertutup dan di-tulis dengan "Tawaran2 untok (a) Tractor minyak diesel, 12 h.p. dan (b) Jentera menaroh minyak A.C. 230/250V." Nama penawar tidak boleh di-tulis di-sarong surat itu.

Sampol2 surat itu mesti-lah alamatkan kapada Pengurusi, Lembaga Tawaran, di-Pejabat Kerajaan Negara, tingkat atas Pejabat Kerajaan, Brunei.

Kerajaan tidak terikat untok menerima tawaran yang sa-habis rendah sekali atau sebarang tawaran.

# MAJLIS SELAMAT BERSARA

*Buah selasih buah berangan —*
*Anak sembilang di-tapak tangan.*
*Tuan berpisah dari pasokan —*
*Hilang di-mata di-hati jangan.*

**BANDAR BRUNEI. — Pantun tersebut telah di-suarakan oleh Inspektor Abu Zar bin Abu Bakar dalam majlis jamuan nasi minyak yang telah di-adakan oleh Pulis Brunei untok meraikan dan menguchapkan "selamat berpisah" kapada Tuan Haji Ali Ahmad bekas Ketua Merinyu Pulis yang telah bersara dari perkhidmatan Pulis Brunei sa-telah berkhidmat sa-lama kira2 tiga puloh tahun.**

Majlis tersebut telah di-adakan di-Kedai Makan Pulis disini pada malam 24 March dan di-hadhiri oleh ramai Pegawai2 dan anggota2 Pulis di-Negeri Brunei.

Inspektor Abu Zar menyatakan dalam uchapan beliau itu bahawa majlis tersebut telah diadakan untok meraikan "sa-orang ketua dan rakan saperjuangan dan sa-pasokan kita, Tuan Haji Ali Ahmad, Ketua Merinyu Pulis Negeri Brunei yang sudah bersara dari perkhidmatan satelah memberikan tenaga-nya kapada pasokan Pulis di-negeri ini sa-lama kira2 30 tahun".

"Tuan yang di-raikan ini", kata Inspektor Abu Zar, "ia-lah sa-orang Pegawai Pulis yang pertama sa-kali pernah bersara dalam jawatan Ketua Merinyu Pulis. Dengan itu, pada malam ini terchatitlah satu sejarah baharu kapada Pasokan Pulis kita, ia-itu tuan yang di-raikan ini ia-lah julong2 kali sa-orang Pegawai Pulis Brunei yang telah bersara dalam jawatan Pegawai Kanan di-dalam Pasokan Pulis negeri ini semenjak 30 tahun".

Seterus-nya Inspektor Abu Zar berkata bahawa sa-sunggoh-nya ahli2 Pasokan Pulis di-negeri ini, dari anggota2 rendah hingga kapegawai2-nya ada-lah merasa kehilangan sa-orang ketua yang dikasehi dan yang sentiasa bertimbang rasa dan tidak jemu memberi panduan2, pengajaran, serta nasehat2 kapada pegawai2 dan anggota2 Pulis itu bagi menjalankan tugas2 yang di-perentahkan oleh Kerajaan kapada mereka itu.

Sa-balek-nya, tegas beliau, pegawai2 dan anggota2 Pulis dinegeri ini merasa bangga kerana persaraan Tuan Haji Ali Ahmad yang di-raikan itu telah menjadi chontoh yang baik dan penghargaan kapada mereka itu.

Maka dengan hal yang sademikian, Inspektor Abu Zar berkata bahawa bagi pehak pegawai2 dan anggota2 Pasokan Pulis di-negeri ini, beliau menyampaikan tahniah kapada Tuan Haji Ali Ahmad kerana kebijaksanaan-nya dan 'azam-nya memangku jawatan Pegawai Tinggi itu hingga bersara.

"Kami menguchapkan terima kaseh kapada-nya atas segala panduan2-nya kapada kami dengan ikhlas sa-lama tuan itu ada bersama2 kami dalam Pasokan Pulis Brunei", kata Inspektor Abu Zar.

Beliau telah berdo'a kapada Allah Subhanahu Wata'ala samoga Tuan Haji Ali Ahmad akan berada di-dalam kesejahteraan, sehat walafiat dalam kehidupan yang baharu salepas bersara.

Kemudian Superintendent Pulis Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid, O.C.P.D. Brunei telah memberi satu uchapan yang berharga.

Tuan Haji Ali Ahmad telah membalas uchapan2 tersebut dengan menguchapkan berbanyak2 terima kaseh kapada pegawai2 dan anggota2 Pulis Brunei yang telah mengadakan majlis jamuan yang terma'lom.

Beliau juga telah memberi nasehat2 kapada anggota2 baharu Pulis serta juga kapada lain2-nya yang berkhidmat dalam Pasokan Pulis Negeri Brunei.

Sa-bagai tanda penghargaan terhadap perkhidmatan Tuan Haji Ali Ahmad dalam Pasokan Pulis di-negeri ini, Pulis Brunei telah menghadiahkan sa-buah chenderamata kapada beliau itu.

Hadiah tersebut berupa sabuah kotak perak yang di-buat oleh tukang2 perak di-Brunei telah di-sampaikan kapada beliau itu oleh Inche David Forrer, Pemangku Pesurohjaya Pulis Negeri Brunei.

Majlis tersebut telah di-tamatkan dengan bacha'an do'a selamat oleh Inspektor Haji Mohamed dari Perkhidmatan Bomba, Negeri Brunei.

## Konsol Jepun Melawat Brunei

BANDAR BRUNEI. — Inche Ken Ikebe, Naib Konsol Kerajaan Jepun di-Singapura telah melawat ka-Negeri Brunei pada hari Rabu yang lalu dalam bidang lawatan beliau ka-Negeri2 Sarawak, Brunei dan Borneo Utara.

Ini-lah pertama kali Inche Ikebe melawat ka-Negeri2 Sarawak, Brunei dan Borneo Utara semenjak beliau di-lantek menjadi Naib Konsul Kerajaan Jepun di-Singapura delapan bulan dahulu.

Tujuan lawatan-nya ka-wilayah2 Borneo, kata-nya, ia-lah untok membiasakan diri-nya berkenaan dengan negeri2 yang dilawati-nya itu.

Inche Ikebe telah tiba di-sini dengan kapal terbang dari Sibu sa-lepas melawat ka-Kuching, Sarawak.

Beliau telah berlepas dengan kapal terbang ka-Labuan, Borneo Utara pada petang hari Kham[illegible] yang lalu.



Pemandangan2 di-majlis jamuan selamat bersara kapada bekas Ketua Merinyu Pulis Haji Ali Ahmad yang telah di-adakan di-Bandar Brunei pada 24 March, 1962. Kiri — Inspektor Abu Zar kelihatan memberi uchapan. Pemangku Pesurohjaya Pulis, Brunei, Inche David Forrer kelihatan dalam gambar yang tengah, sedang menyampaikan chenderamata dari Pasokan Pulis Brunei kapada Tuan Haji Ali Ahmad dan gambar di-kanan ia-lah Superintendent Pulis Pengiran Jaya O.C.P.D. Brunei yang telah juga beruchap di-majlis tersebut. — Gambar2 Guan Chuan Photo Studio, Brunei.

## Wayang Gambar Kerajaan di-Belait

KUALA BELAIT. — Wayang gambar Kerajaan Brunei akan di-adakan di-Daerah Belait pada bulan ini saperti berikut :

7 April : Di-kawasan Pasokan Pulis Simpanan, Batu 4 Kuala Belait.

9 April : Kampong Sungai Liang, Daerah Belait.

11 April : Sekolah Melayu Danau.

14 April : Di-padang Kechil, Kuala Belait.

16 April : Sekolah Melayu Bukit Sawat, Ulu Belait.

17 April : Bukit Puan, Labi, Ulu Belait.

18 April : Sekolah Melayu Baru, Simpang Labi, Ulu Belait.

19 April : Kampong Kuala Balai, Ulu Belait.

23 April : Kampong Tumpuan Telisai.

25 April : Di-Klab Melayu Shell, Seria.

Tiap2 pertunjokan wayang gambar tersebut di-mulai pada pukol 7 malam.

## MESHUARAT AGONG PERSEKUTUAN GURU2

**BANDAR BRUNEI. — Meshuarat Agong Persekutuan Guru2 Melayu Negeri Brunei bagi tahun 1961-1962 akan di-adakan pada 28 April di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan di-dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah Bandar Brunei.**

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei di-jangka akan membuka dengan rasmi-nya meshuarat tersebut.

Keputusan itu telah di-ambil dalam meshuarat Jawatan Kuasa Penyelanggara Meshuarat Agong PGGMB 1961-1962 pada 27 March yang lalu.

Sa-lain dari membinchangkan beberapa perkara yang penting mengenai persekutuan tersebut, meshuarat itu juga akan membinchangkan perkara2, antara-nya :

- Mengkaji undang2 PGGMB;
- Mengkaji kelemahan pelajaran anak2 Melayu dan menchari jalan untok mengatasinya; dan
- Meranchangkan satu Dasar Pelajaran Negeri Brunei untok di-hadapkan kapada Kerajaan.

## PERBARISAN PULIS

KUALA BELAIT. — Beratus2 orang pulis di-Negeri Brunei akan mengadakan pertunjokan perbarisan dengan menggunakan ugan pada malam besok.

Pasokan yang akan mengambil bahagian di-temasha itu ia-lah Pasokan2 Pulis Brunei, Pulis Simpanan Brunei, Pulis Diraja Persekutuan Tanah Melayu yang berkhidmat di-Seria dan Pancharagam Pulis Negeri Brunei.

Temasha tersebut akan di-adakan di-Padang Besar Kuala Belait mulai pada pukol 8 malam.

Di-antara achara2 yang akan di-persembahkan di-temasha itu ia-lah kawat memechah rusohan, senaman ramai, kawat oleh Pancharagam Pulis Negeri Brunei dan lain2-nya.

# BERANGKAT KA-MALAYA UNTOK MENYAMBONG KAKI

BANDAR BRUNEI. — **Inche' Ahmad bin Serudin, berumor 32 tahun, dari Seria yang potong kaki kiri-nya telah berlepas dengan kapal terbang ka-Persekutuan Tanah Melayu pada 21 March yang lalu untok menyambong kaki-nya dengan kaki kayu di-Rumah Sakit Besar, Kuala Lumpur.**

Beliau telah di-hantar di-lapangan terbang Berakas oleh Pegawai Kebajikan Masharakat Negara, Inche' H.M. Salleh dan beberapa orang sahabat handai termasok isteri dan sa-orang anak nya.

Inche' Ahmad ia-lah bekas pekerja di-Sharikat Minyak Shell Brunei di-Seria yang telah berkhidmat lebeh kurang lima tahun. Kaki-nya telah di-potong pada 4 April, 1961 di-Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei akibat suatu penyakit sa-telah usaha2 mengubati-nya tidak berjaya.

Pegawai Kebajikan Masharakat Negara, Brunei menyatakan bahawa usaha menghantar Inche' Ahmad itu ka-Kuala Lumpur ia-lah dari Jabatan Kebajikan Masharakat dan dengan perbelanjaan dan urusan Jabatan Perubatan Negara, Brunei.

"Inche' Ahmad ia-lah yang pertama di-hantar ka-Malaya untok menyambong kaki-nya dengan usaha Jabatan Kebajikan Masharakat, Brunei," kata Inche' H.M. Salleh.

Inche' Ahmad di-jangka berada di-Rumah Sakit Besar, Kuala Lumpur, sa-lama dua minggu untok menyambong kaki-nya dan membiasakan kaki-nya itu supaya sesuai benar2 dengan kaki asalnya.

Sa-belum meninggalkan Negeri Brunei, Inche' Ahmad telah menyatakan kegembiraan-nya dan menguchapkan terima kaseh kapada Kerajaan atas pertolongan itu.



Inche Ahmad bin Serudin (kiri) kelihatan di-bangunan lapangan terbang Berakas pada pagi 21 March yang lalu sa-belum beliau berlepas ka-Persekutuan Tanah Melayu dengan kapal terbang untok menyambong kaki-nya dengan kaki kayu. Di-sabelah-nya ia-lah Inche' H. M. Salleh, Pegawai Kebajikan Masharakat Negara, Brunei yang telah berusaha membuat persediaan2 berhubong dengan pemergian Inche' Ahmad ka-Persekutuan Tanah Melayu.

## PERJUMPAAN PEMUDA2 SUNGAI LIANG

SUNGAI LIANG. — Pemuda2 yang tinggal di-Sungai Liang akan mengadakan satu perjumpaan untok menubohkan sa-buah persatuan pemuda di-sini.

Perjumpaan itu akan di-adakan di-bangunan Sekolah Melayu Sungai Liang pada hari Jumaat 6 April, 1962 mulai pukol 8.30 pagi.

Awang Metusin bin Tahir telah di-lantek menjadi pengelola majlis perjumpaan tersebut.

Menurut persediaan2 yang telah di-ranchangkan, beberapa perkara yang mustahak berkenaan dengan penubohan persatuan pemuda yang di-chadangkan itu akan di-binchangkan di-majlis tersebut.

Awangku Mohamed Yusof bin Pengiran Abu Bakar, Pengelola, Ranchangan Pemuda Daerah Belait akan memberikan cheramah di-majlis tersebut berkenaan dengan tugas pemuda-pemudi terhadap Tanah Ayer.

## *PEGAWAI2 BARU KLAB PEMUDA SERIA*

SERIA. — Inche A.G. Daud, Naib Yang Di-pertua, Klab Pemuda Seria telah di-lantek menjadi Yang Di-pertua persekutuan tersebut.

Beliau telah menggantikan jawatan Wan Shafie bin Syed Hassan bekas Yang Di-pertua persekutuan itu, sa-orang anggota Jabatan Elektrik di-sini yang telah berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu untok berlateh dalam jurusan elektrik.

Inche Abu Bakar bin Othman pula telah di-lantek menjadi Naib Yang Di-pertua baharu Klab Pemuda Seria.

Demikian menurut keputusan meshuarat Jawatan Kuasa, Klab Pemuda Seria yang telah bersidang dalam bulan March yang lalu.

## TAWARAN2 BAHARU

Tawaran2 akan di-terima oleh Pengurusi, Lembaga Tawaran, di-Pejabat Pegawai Kewangan Negara, Pejabat Kerajaan, Bandar Brunei, sa-hingga 2 petang, pada hari Khamis 5 April, 1962, kerana membekal dan menghantar sampai ka-Pejabat Lembaga Bandaran, Kuala Belait, saperti yang berikut di-bawah ini: —

(a) Sa-buah "Tanker" Pengangkat Najis yang boleh memuat 800 gallon, di-lengkapi dengan alat perkakas pembuang najis dan "flexible hose", panjang 10 kaki, juga termasok menyapu chat warna hijau dan bertulis "JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT" warna puteh.

(b) Sa-buah "Tipping Truck" angkat sampah, muatan 10 cubic ela bertutup semua daripada besi, termasok menyapu chat warna hijau dan bertulis "JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT.

Tarikh menghantar hendak-lah di-sebutkan.

Tawaran2 yang di-terima selepas waktu ini akan di-tolak.

Tawaran2 mesti-lah di-masokkan ka-dalam sampol2 surat biasa yang bertutup dan di-tulis dengan "Tawaran2 untok (a) Tanker Pengangkat Najis dan (b) Truck angkat sampah". Nama penawar tidak boleh di-tulis di-sarong surat itu.

Sampol2 surat itu mesti-lah alamatkan kapada Pengurusi, Lembaga Tawaran, di-Pejabat Kerajaan Negara, tingkat atas Pejabat Kerajaan, Brunei.

Kerajaan tidak terikat untok menerima tawaran yang sa-habis rendah sekali atau sebarang tawaran.

# GURU DI-KEHENDAKI MENGAJAR ANGGOTA2 PULIS

BANDAR BRUNEI. — **Satu jawatan kosong sa-bagai guru untok mengajar anggota2 Pasokan Pulis di-Negeri Brunei ada-lah di-tawarkan kapada ra'ayat dan bukan ra'ayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei.**

Kewajipan jawatan itu ia-lah mengajar anggota2 Pasokan Pulis sa-hingga meningkat kelulusannya ka-darjah VI Sekolah Melayu dalam perkara2 persekolahan.

Kelayakan2 yang sa-habis rendah yang di-kehendaki pada pemohon2 jawatan itu ia-lah:

Lulus darjah VII Sekolah Melayu;

Berpengalaman dalam pekerjaan mengajar; dan

Boleh menyusun darjah2 dengan bersendirian.

Tingkatan gaji ia-lah $190x7 —204—211 x 9 —220 — 230 x 10 — 260 — 280 — 290 x 20 — 330 — 350.

Pemohon yang berjaya dari ra'ayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei akan di-layan sa-bagai jawatan tetap, tetapi pemohon yang bukan ra'ayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei akan di-beri "kontrek" sa-lama tiga tahun dan enam bulan yang pertama dalam penchubaan.

Permohonan2 mesti-lah di-tulis pada borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei dan mesti-lah di-hantar kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 20 April, 1962.

## *LAWATAN PEGAWAI MENGELUARKAN LESEN BASIKAL*

BANDAR BRUNEI. — Pegawai mengeluarkan Lesen Basikal akan melawat ka-beberapa tempat di-Daerah2 Brunei, Muara dan Tutong pada bulan ini.

Orang ramai yang akan menyambong lesen basikal atau mendaftar baharu basikal2 mereka ada-lah di-minta berada di-tempat2 dan pada tarikh serta masa yang di-bawah ini:

Hari ini — dari pukol 2.45 petang hingga 4 petang di-Batu 5½, Kiudang, Daerah Tutong.

Hari Sabtu 7 April — dari pukol 1.30 petang hingga 2.15 petang di-Balai Pulis, Sengkurong.

Hari Khamis 12 April — dari pukol 2.30 petang hingga 4 petang di-Kedai Sharikat, Jerudong.

Hari Sabtu 14 April dan hari Sabtu 28 April — dari pukol 1.30 petang hingga 4 petang di-Kedai Sharikat, Sungai Hanching.

Hari Khamis 19 April dan hari Khamis 26 April — mulai dari pukol 1.30 petang hingga 4 petang di-Pejabat Daerah, Muara.

# BAHASA MELAYU TERBAIK DI-DUNIA — Kata Professor Lee

SINGAPURA. — Professor Lee Chuan Siu, Mahaguru Bahasa Melayu di-Nanyang University, Singapura telah mengingatkan bahawa ghairah Kerajaan menyebarkan penggunaan Bahasa Kebangsaan hendak-nya tidak sahaja terlingkong dalam "Minggu Bahasa Kebangsaan" yang sedang di-lancharkan ini:

Bahasa Melayu, kata-nya, ia-lah antara bahasa2 yang terbaik di-dunia ini yang layak di-jadikan Bahasa Kebangsaan dan sa-suai di-jadikan alat untok menyatu padukan ra'ayat berbilang bangsa di-sini.

Beruchap dalam satu majlis cheramah bertajok "Peranan Bahasa Kebangsasn dalam masharakat berbilang bangsa" kerana menyambut Minggu Bahasa anjoran Lembaga Tetap Kongres di-Dewan Peringatan Victoria pada malam 28 March, 1962, Professor Lee Chuan Siu berkata:

"Bahasa Kebangsaan — bahasa Melayu — yang telah di-akui oleh Kerajaan sekarang hanya pada nama-nya sahaja. Pada hakikat-nya perlaksanaan-nya dalam masharakat sa-suai sabagai taraf-nya maseh kosong.

Ia menarek perhatian majlis tentang keadaan diri-nya yang sejak kechil lagi telah mempelajari berbagai bahasa Belanda, Peranchis, Inggeris, Indonesia dan Jerman.

"Bagaimanapun, dalam mempelajari berbagai bahasa tadi saya lebeh suka pada bahasa Melayu, kerana ia lebeh tersusun bentoknya tidak saperti bahasa2 Inggeris atau Belanda," kata-nya lagi. Demikian antara-nya di-siarkan oleh akhbar BERITA HARIAN pada 30 March, 1962.

## SHOR MENGEMBALIKAN LIMBANG KA-BRUNEI

**KUALA BELAIT. — Satu shor untok mengembalikan Daerah Limbang, Sarawak kapada Brunei telah di-buat dalam sa-puchok surat yang di-tanda tangani oleh 21 orang pendudok2 Limbang dan telah di-kirim kapada Gabnor Sarawak, Yang Terutama Sir Alexander Waddel pada 27 Feb. 1962.**

**Perkara tersebut telah di-siarkan dalam akhbar THE BORNEO BULLETIN pada hari Sabtu 24 March, 1962.**

**Menurut akhbar tersebut salinan2 surat itu telah di-kirimkan kapada Resident Limbang, Pesurohjaya Tinggi Inggeris di-Brunei dan kapada Menteri Besar, Brunei.**

**Dua puloh satu orang yang menanda tangani surat tersebut, kata THE BORNEO BULLETIN, menda'wa bahawa mereka ada-lah menyuarakan kehendak sa-ramai kira2 8,000 orang pendudok2 asli Limbang yang bersetuju supaya Limbang di-serahkan balek kapada Kerajaan Brunei.**

## Anggota2 Jabatan Elektrik Berlateh di-Malaya

BERAKAS. — Tiga orang anggota Jabatan Elektrik Brunei telah berlepas ka-Persekutuan Tanah Melayu dengan kapal terbang dari lapangan terbang Berakas pada pagi hari Khamis yang lalu untok berlateh dalam jurusan elektrik di-sana.

Mereka ia-lah Inche Harith bin Bakar, Wan Shafie bin Syed Hassan dan Awangku Yusof bin Pengiran Mohamed Salleh.

Inche Harith dan Wan Shafie akan berlateh di-Lembaga Elektrik Pusat, Persekutuan Tanah Melayu di-Kuala Lumpur salama sa-tahun.

Awangku Yusof pula akan berlateh di-Lembaga Elektrik Pusat di-Kota Bharu, Kelantan salama enam bulan.

Di-antara ramai orang yang kelihatan di-lapangan terbang Berakas pada pagi hari itu untok menguchapan selamat berpisah kapada anggota2 Jabatan Elektrik tersebut ia-lah Inche Harnam Singh, Jurutera Elektrik, Brunei.

• • • •



**Perkenalan: Dari kiri — Inche Harith, Wan Shafie dan Awangku Yusof.**



Penuntut2 Melayu dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei yang telah lulus dalam pepereksaan Sijil Persekolahan Cambridge sa-bagai mana yang di-beritakan di-muka2 1 dan 8. Dari kiri: Puan Norsham binti Ahmad Yunus, Puan Masni binti Awang, Arshad bin Md. Ali dan Puan Nooraini binti Ahmad Yunus.

## KEPUTUSAN PEPEREKSAAN

(Dari Muka 1)

nuntut2 Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah mendapat Sijil Tambahan "kenyataan kejayaan" ("Statement of Success—Supplementary Certificate").

Penuntut2 dari Maktab Anthony Abell, Seria, Sekolah Misi Saint Michael, Seria dan Sekolah Misi Perempuan Saint Angela Convent yang telah lulus dalam pepereksaan tersebut ada-lah saperti di-bawah ini:

**Maktab Anthony Abell**

Pangkat kedua — Ali bin Hassan, Lau Chung Kong, Hong Siew Yin dan Lau Soo Ha.

Pangkat ketiga — Teoh Boo Lai.

Sijil Pelajaran Awam — Kok Pui Wah dan Mahari bin Mohamed Said.

**Sekolah Saint Michael**

Pangkat pertama — Atun Wee dan Wo Chew Pak.

Pangkat kedua — David Wan Yin Foo, Leong Cho Kwan, Lim Fang Ching, Lim Jock Seng dan Paul Yapp Pit Chung.

Pangkat ketiga — Alfred Baringtang, Daniel Lim Phang Lam, Hong Geok Leong, S. Chua Tai Joo dan Victor Jenkins.

Empat belas orang penuntut2 Sekolah Saint Michael itu telah memasoki pepereksaan tersebut dan hanya sa-orang penuntut saha ja yang telah tidak lulus.

**Sekolah Saint Angela**

Pangkat pertama Khung Ching Luan, Amy Lim Swee Pheng dan Rosy Yeo Choo Kin.

Pangkat kedua — Chee Goy Lan, Mary Ho dan Sylvia Shim Siew Onn.

Pangkat ketiga — Miriam Cheong Shaw Wan dan Margaret P. Warrier.

Sijil Pelajaran Awam — Ida Cheah Yin Kheng, Monica Chin Moi Yin, Khoo Meng Noi dan Wong Mo Lian.

Dua orang penuntut2 di-Seria yang mengambil pepereksaan tersebut sa-chara bersendirian telah lulus dalam pepereksaan itu. Mereka ia-lah isteri Inche Chua Kong Seng — lulus dengan mendapat pangkat ketiga dan Leong Teng Pong yang telah mendapat Sijil Pelajaran Awam.

Zaili bin Mohd. Yusof, sa-orang penuntut di-Bandar Brunei yang memasoki pepereksaan tersebut sa-chara bersendirian telah mendapat Sijil Pelajaran Awam.

## Jalan Raya Jesselton-Sandakan

JESSELTON. — Sabuah jalan raya sa-jauh 250 batu menghubongkan pantai barat dengan pantai timor Borneo Utara di-jangka siap di-bena pada akhir tahun 1964. Demikian di-umumkan oleh Pengarah, Jabatan Kerja Raya, Borneo Utara, Yang Berhormat Inche I. Jackson dalam satu persidangan akhbar baharu2 ini.

Yang Berhormat Inche Jackson menerangkan bahawa jalan yang panjang itu ia-lah di-antara Jesselton dan Sandakan.

Di-terbitkan oleh Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei dan di-chetak di-The Brunei Press Limited, Kuala Belait.